



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUTHARGA

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN
KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.**

No. SEBUTHARGA :

JPS/N/SH/SPS/D/52/2013



**Jurutera Daerah
Seberang Perai Selatan
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi
14200 Seberang Perai Selatan**



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN**

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN
KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.**

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/52/2013

Isi Kandungan

Bil	Keterangan
1	Kenyataan Sebutharga
2	Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor Lampiran A1- Surat Akuan Pembida Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya
3	Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga
4	Dokumen C – Borang Sebutharga
5	Dokumen D – Jadual Kadar Harga
6	Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am Spesifikasi
7	Dokumen 1(1)- Senarai Kerja Yang Telah Siap
8	Dokumen 1(2)- Rekod Pengalaman Penyebutharga
9	Pelan Punca
10	Pelan Pembida



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. **Sebutharga** adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/N/SH/SPS/D/52/2013	KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.

2. **Kontraktor-kontraktor** yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
- i. Pusat Khidmat Kontraktor(PKK)
 - ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1 CE 06 dan CE 21 dan CE 02
 - iii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan
 - iv. Berdaftar di bawah e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. Segala maklumat boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Tingkat 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sungai Jawi mulai dari 22 Ogos hingga 5 September 2013
4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari laman web e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan bayaran sebanyak RM 10.00.
5. Terbuka kepada semua kontraktor yang beralamat di SEBERANG PERAI SELATAN sahaja.
6. Pendaftaran sebutharga pada 29 Ogos 2013 akan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi sahaja. Sesiapa yang hadir selepas jam 9.30 pagi tidak akan dibenarkan mendaftar untuk sebutharga ini. Wakil tidak dibenarkan untuk membuat pendaftaran. Taklimat/Lawatan tapak akan diadakan pada 29 Ogos 2013 jam 9.30 pagi di Rumah Pam Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, untuk tujuan tersebut.
7. Sebutharga ini akan ditutup pada 5 September 2013. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Ting 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, sebelum 12.00 tengahari pada hari tersebut. Resit pembelian hendaklah dikepilkkan bersama Borang Sebutharga.
8. Nota : * Sessi Taklimat adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang ditauliahkan menghadiri sessi taklimat dibenarkan memperolehi Dokumen Sebutharga.

.....
MOHAMAD HAFIZUL BIN HAMID
Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Seberang Perai Selatan.

ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

1. **HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

2.1 **Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Lampiran Spesifikasi yang ditandatangani.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 **Penyerahan Dokumen Sebutharga**

Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/N/SH/SPS/D/52/2013

- (a) serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

3. **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

4. **TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

5. **TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

(a) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam, Insurans Kerja dan Insurans Pekeja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah pasal 9(d).

3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

**Potong jika tidak diperlukan*

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

7. RINGKASAN SEBUTHARGA

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurna.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (b) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (c) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah: dan
- (d) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap atau mufliis.

10. KERJA PERUBAHAN

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan mengembalikan Inden Kerja Asal.

BORANG SEBUTHARGA

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/52/2013

Jabatan Pengairan Dan Saliran
Seberang Perai Selatan,
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,
14200 Sungai Jawi.

Tuan,

Sebutharga Untuk :

KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAQ MATI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

Ringgit Malaysia.....
(RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa 10..... minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja. Bertarikh pada haribulan2013.

.....
(Tandatangan Pentender)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :.....
No. K/P :
Alamat :
.....
Tarikh :.....

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
.....
Tarikh :.....

Atas sifat :

.....Meteri atau Cop Syarikat

KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SG BADAK MATI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN

Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggapkan telah dimasukkan dalam harga butiran-butiran yang lain. Penyebutharga adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat sebutharga dan kontrak bersama-sama pelan-pelan/lukisan-lukisan dan penentuan untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum menghargakan sebutharganya kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.00	KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT - SYARAT AM.				
1.01	Keperluan-keperluan di dalam syarat-syarat kontrak JKR 203 (Semakan 10/83)				
	a. Obligasi Statutori				
	b. Kerja-kerja ukur	Pukal	-	-	
	c. Fomen dan Pembantu-Pembantu	Pukal	-	-	
	d. Insuran untuk Kemalangan dan Kerosakan Harta Benda	Pukal	-	-	
	e. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO)	Pukal	-	-	
	f. Insuran Kerja	Pukal	-	-	
	g. Pemeriksaan Tapak	Pukal	-	-	
	i. Kecacatan Selepas Siap				
	j. Sampel dan Ujian	Pukal	-	-	
1.02	Sampel-sampel bahan & ketukangan	Pukal	-	-	
1.03	Laluan di jalan sementara	Pukal	-	-	
1.04	Saliran di tapak bina	Pukal	-	-	
1.05	Membaiki kerosakan kepada jalan-jalan sediada dan lain-lain	Pukal	-	-	
1.06	Tempat simpanan barang, pejabat dan penginapan				
1.07	Kebersihan	Pukal	-	-	
1.08	Bekalan air dan kuasa elektrik sementara				
1.09	Pengawasan Dan Pagar Keselamatan	Pukal	-	-	
1.10	Jagaan dan Perlindungan				
1.11	Gambar foto kemajuan kerja	Pukal	-	-	
1.12	Mengemas, membersihkan dan memperbaiki apabila kerja siap	Pukal	-	-	
		Pukal	-	-	
1.13	Program kerja dalam bentuk CPM (Critical Method) termasuk kerja - kerja rekabentuk	Pukal	-	-	
1.14	Butiran - butiran lain kehendak - kehendak permulaan dan syarat - syarat am yang tidak disebut di atas	Pukal	-	-	
	NOTA Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Penyebutharga dinasihatkan untuk mendapat butiran kerja dankuantiti sebenar berdasarkan pelan, penentuan dan keadaan tapak. Melainkan dinyatakan, kuantiti kerja tidak akan diukur semula dan Penyebutharga tidak boleh menuntut apa-apa kerugian akibat daripadanya.				
	Total B/F				

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
Total C/F					-
2.00	KERJA - KERJA MENAIKTARAF LINTASAN JAMBATANDI SG BADAK MATI BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN				
2.01	A Sebutharga ini dibuat untuk kerja - kerja cadangan menaiktaraf & menyiapkan lintasan di Sungai Badak Mati seperti di dalam lukisan pembinaan i) Pelan Jambatan,				
	B Kerja-kerja pembinaan jambatan/lintasan sementara merentasi Sg Badak Mati menyelenggara sehingga jambatan baru siap dan merobohkan jambatan sementara tersebut setelah kerja-kerja pembinaan selesai.	L/S			
	c. Melantik Perunding Bertauliah untuk menyemak rekabentuk/merekabentuk semula Lintasan tersebut dan Pelan tersebut disahkan oleh Jurutera Profesional	L/S			
2.02	KERJA-KERJA PENANAMAN CERUCUK (All Provisional)				
	A Menyediakan peralatan dan jentera pelantak cerucuk untuk melaksanakan kerja-kerja penanaman cerucuk. Kerja kerja ini termasuklah mengangkut mesin masuk dan keluar dan memasang serta menanggal komponen komponen jentera pelantak.	L/S			
	B Kerja -kerja penanaman cerucuk ini hendaklah mengambilkira keadaan tapak dengan menggunakan jentera yang bersesuaian dan juga penyediaan tapak sementara untuk menjalankan kerja pelantakan cerucuk.	L/S			
	C Kontraktor perlu menghantar catalog cerucuk yang akan digunakan untuk kelulusan. Cerucuk yang dipilih hendaklah mempunyai pengiktirafan daripada SIRIM /IKRAM	L/S			
	D Kontraktor perlu menghantar rekod penanaman cerucuk dan juga lukisan terbina untuk rekod pejabat ini	L/S			
	E Membekal Cerucuk konkrit bertetulang bersaiz 200mm x 200mm i 6 meter panjang cerucuk permulaan ii 6 meter panjang cerucuk sambungan	M M	60 60		
	F Mengarahkan ke Lokasi Cerucuk Konkrit bertetulang termasuk kerja mengangkat, mengset dan menegak cerucuk i 6 meter panjang cerucuk permulaan ii 6 meter panjang cerucuk sambungan	nos nos	10 10		
	NOTA Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Penyebutharga dinasihatkan untuk mendapat butiran kerja dankuantiti sebenar berdasarkan pelan, penentuan dan keadaan tapak. Melainkan dinyatakan, kuantiti kerja tidak akan diukur semula dan Penyebutharga tidak boleh menuntut apa-apa kerugian akibat daripadanya.				
Total B/F					

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
Total C/F					-
	F Melantak Cerucuk Sehingga ke kedalaman yang telah ditetapkan i 6 meter panjang cerucuk permulaan ii 6 meter panjang cerucuk sambungan	M M	60 60		
	G Menyambung cerucuk dengan mengimpal disekeliling MS plate Cerucuk sambungan	nos	20		
	H Memotong kepala cerucuk sehingga ke paras yang dikehendaki dan memotong lebihan tetulang sehingga ke panjang yang ditetapkan.	nos	20		
	I Menyediakan peralatan dan jentera untuk melaksanakan Ujian PDA untuk cerucuk yang telah di tanam dan pada cerucuk sediaada	nos	1		
2.03	KERJA-KERJA PEMBINAAN JAMBATAN				
	A Membekal bahan, peralatan, buruh dan mesin untuk membina struktur jambatan termasuk kerja-kerja memasang papan acuan termasuk penyokong, memasang besi tetulang, mengkonkrit dan lain-lain kerja yang diperlukan dalam penyempurnaan sebutharga ini.				
	B Kontraktor di minta untuk mengemukakan dokumen barangan atau rekabentuk struktur dan bahan, menghantar sampel, membuat ujian dan lain lain kerja yang di rasakan perlu dalam kelulusan bahan sebelum bahan-bahan atau kerja-kerja tersebut dijalankan di tapak Semua bahan yang digunapakai hendaklah diluluskan oleh Pegawai Penguasa.				
	C Kerja-Kerja pembinaan struktur ini perlu mengikut garispanduan / spesifikasi yang digunapakai oleh Jabatan ini dan segala dokumen akan di berikan sebelum kerja-kerja dimulakan untuk rujukan dan panduan semasa pelaksanaan kerja di tapak				
	D Bagi Kerja-kerja konkrit, hanya konkrit siap bancuh daripada pembekal yang dibenarkan sahaja digunapakai untuk kerja-kerja konkrit. Kontraktor perlu menghantar rekabentuk campuran daripada pembekal untuk semakan dan kelulusan.				
	E Setiap kerja-kerja yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada Pegawai Penguasa dan setiap pemeriksaan yang dilakukan untuk kerja-kerja konkrit perlu menggunakan Borang Pemeriksaan dan disahkan sebelum kerja-kerja pengkonkritan dijalankan				
	F Untuk setiap kerja-kerja konkrit yang dilaksanakan, sebanyak 6 biji kiub konkrit untuk ujian mampatan perlu dilakukan bagi 7 hari dan 28 hari umur konkrit. Dan ujian yang di buat perlulah dengan kehadiran Pegawai / Wakil Pegawai Penguasa untuk pengesahan.				
	NOTA Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Penyebutarga dinasihatkan untuk mendapat butiran kerja dankuantiti sebenar berdasarkan pelan, penentuan dan keadaan tapak. Melainkan dinyatakan, kuantiti kerja tidak akan diukur semula dan Penyebutarga tidak boleh menuntut apa-apa kerugian akibat daripadanya.				
Total B/F					

Bil	Butiran Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
Total C/F					-
	G Keputusan ujian kiub ini perlu melepasi kekuatan rekabentuk yang diluluskan dan satu salinan keputusan ujian perlu di hantar ke pejabat ini untuk rekod.				
	H Kontraktor dinasihatkan untuk sentiasa berhubung dengan pejabat ini sekiranya terdapat sebarang masalah daripada segi pelaksanaan, percanggahan lukisan, kekurangan maklumat dan lain lain masalah yang mengganggu didalam perlaksanaan kerja di tapak.				
	I Abutment/Column Head				
	i) Pengorekan ke Aras Pembinaan	m3	5		
	ii) 50mm Lean Concrete	m2	6		
	iii) Besi Tetulang	kg	2,500		
	iv) Papan Acuan	m2	70		
	v) Konkrit Grade 45	m3	14		
	j. I Beam				
	Membekal dan memasang 5 Nos I Beam 533 x 210 122Kg/m sepanjang 9m dan termasuk kerja-kerja memasang 'bracing' MS 50x 50 hollow section yang di pateri ke I Beam seperti didalam pelan pembinaan. Serta pemasangan Rubber pad seperting yang diluluskan oleh pegawai penguasa.	kg	6500		
	K Railing				
	To supply and install Ultragall Railing On Both Side	nos	10		
2.04	KERJA-KERJA PEMBINAAN JALAN				
	a) Melabur Tanah Merah di rata dan di padatkan dengan menggunakan mesin penggelek berat tidak kurang daripada 8 tan. Sehingga Keparas jalan yang akan dibina	m3	30		
	b) Melabur 150mm Crusher Run di rata dan di padatkan dengan menggunakan mesin penggelek berat tidak kurang daripada 8 tan	m3	10		
	c) Melabur 50mmPremix di rata dan di padatkan dengan menggunakan mesin penggelek berat tidak kurang daripada 8 tan	m2	40		
2.05	Kerja-Kerja Meroboh Jambatan Sediada	L/S			
2.06	Kerja-Kerja Pembinaan Rib Rab Wall Untuk Slope Protection	m2	32		
2.07	Kerja-kerja Membina Gabion sebagai Toe	m3	12		
2.08	Lain-Lain Kerja yang bersangkutan yang tidak dinyatakan didalam BQ ini				
	a) Pengalihan Tiang Telefon				
	b) Penetapan Jajaran Utiliti sediaada				
	c) etc				
	NOTA Semua butiran dan kuantiti yang dinyatakan di ringkasan sebutharga adalah merupakan asas kepada pengiraan. Penyebutharga dinasihatkan untuk mendapat butiran kerja dankuantiti sebenar berdasarkan pelan, penentuan dan keadaan tapak. Melainkan dinyatakan, kuantiti kerja tidak akan diukur semula dan Penyebutharga tidak boleh menuntut apa-apa kerugian akibat daripadanya.				
Jumlah dibawa ke muka surat D/3					

KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapakbina ini terletak di Kawasan Saliran Sungai Bakap,Seberang Perai Selatan.
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.
5.	Saliran Tapakbina	5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina. 5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh kontrak.
6.	Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll.	6.1 Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentung-pembentung yang sedia ada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji-

	Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll.	loji atau pekerja-pekerjanya ke atas mana-mana jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor ini.
7.	Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina	7.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor – Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.
8.	Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor	8.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, mengurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.
9.	Butir-Butir Pekerja	9.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.
10.	Gambar Foto Kemajuan Kerja	10.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja pada tiap-tiap bahagian dalam bentuk digital pada tiap-tiap sesi kerja pembinaan sangkar batu sepertimana yang diarahkan oleh P.P. Bilangan purata gambar foto yang diambil tiap-tiap bahagian pada sesi kerja pembinaan sangkar batu hendaklah mencukupi bagi menunjukkan kemajuan kerja pembinaan sangkar batu tetapi hendaklah tidak kurang daripada tiga pemandangan satu bahagian dan Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada P.P dalam bentuk 'Thumbdrive' yang dipersetujui bersaiz 2GB, bersama-sama dengan tiga keping salinan gambar foto digital berwarna bersaiz poskad bagi setiap pemandangan yang diluluskan. Kesemua gambar foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan selamat.

SPESIFIKASI**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SG BADAK MATI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN**


1. **Kontraktor hendaklah menyediakan Insuran Kerja, Insuran tanggungan Awam dan Insuran Pekerja. Semua jalan masuk dan kerja yang berkaitan adalah dibawah tanggungan kontraktor. Kontraktor hendaklah memastikan semua tapak kerja dibersihkan setelah kerja siap dijalankan. Kontraktor hendaklah menyediakan gambar gambar sebelum dan setelah kerja siap dilaksanakan dan dikemukakan kepada pihak JPS.**
2. **Sebutharga ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga manusia, peralatan untuk menaiktaraf Lintasan Sungai Badak Mati**
 - a. **Membina lintasan sementara 7m x 4m lebar**
 - b. **Meroboh struktur lintasan sedia ada**
 - c. **menjalankan kerja penanaman cerucuk 200mm x200mm RC Concrete Pile**
 - d. **Menjalankan Ujian PDA**
 - e. **Membina Bench Seat dan Pembinaan Jambatan**
 - f. **Membekal merata dan memadat tanah merah dan membina jalan**
 - g. **Memasang pagar keselamatan ultragal**
 - h. **membina rirap untuk slope protection**
 - i. **dan lain-lain kerja bersangkutan.**
 - j. **Membina Laluan sementara**
3. **Kontraktor perlu memeriksa dengan kos sendiri semua laluan kabel elektrik, telefon dan paip air untuk mengelakkan sebarang kerosakan ketika kerja-kerja dilaksanakan. Untuk itu, kontraktor perlu berurusan dengan dengan pihak berkuasa berkenaan seperti TELEKOM, TNB dan PBA untuk mendapatkan kedudukan sebenar laluan kabel dan paip air.**
4. **Setiap Kerja yang akan dilakasankan hendaklah dimaklumkan pada Pegawai Penguasa untuk pemeriksaan dan pemantauan.**

Spesifikasi di atas telah dibaca)
 dan difahami sepenuhnya)
 dan akan mematuhi syarat-syarat)
 yang telah ditetapkan)

Tandatangan Kontraktor :
 Nama dan Cop :

PELAN LOKASI

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN
KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.**



A. Rekod Pengalaman Kontraktor

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

- *Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*

B. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

- *Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

No. SEBUTHARGA :JPS/N/SH/SPS/D/52/2013

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN
KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.**

Saya, Nombor **K.P.** yang memilikinombor pendaftaran dengan ini mengistiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga * di atas;
atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....
Nama :
No. K.P :
Tarikh :

.....
Nama :
No. K.P :
Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan :* Potong mana yang tidak berkaitan



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
Bagi**

No. SEBUTHARGA :JPS/N/SH/SPS/D/52/2013

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF LINTASAN SUNGAI BADAK MATI DAN
KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN, P.PINANG.**

Saya,..... Nombor K.P yang memiliki nombor pendaftaran dengan ini mengistiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut :

- 2.4 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga * di atas;
atau
- 2.5 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.6 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :

No. KP:

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan :* Potong mana yang tidak berkaitan